



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**15 FEBRUARI 2022 (SELASA)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**15 FEBRUARI 2022 (SELASA)**

HARI : SELASA  
TARIKH : 15/2/2022  
M/SURAT : 1



## KPDNHEP tumpaskan sindiket seleweng diesel subsidi

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Shamsul Nizam Khalil (dua dari kanan) bersama anggotanya menunjukkan barang rampasan yang merababitkan minyak diesel bersubsidi di Nilai, semalam. Penguat kuasa KPDNHEP Putrajaya membuat dua serbuan dan merampas empat lori, sebuah lori tangki, peralatan bos pemampat dan minyak diesel dengan anggaran nilai keseluruhan RM215,680.30. **Nasional 19**

(Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/ BH)

# Diesel bersubsidi 26,459 liter disita

KPDNHEP tumpas sindiket seleweng minyak dalam dua serbuan serentak

Oleh Mohd Amin Jalil  
bhnews@bh.com.my

**Nilai:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memupuskan sindiket kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi selepas dalam dua serbuan serentak, Khamis lalu.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPDNHEP, Shamsul Nizam Khalil, berkata serbuan dilakukan ke atas sebuah premis dan stesen minyak di Jalan Klang Banting, Jenjarom Kuala Langat, Selangor.

Katanya, premis itu disyaki dijadikan stor penyimpanan diesel haram dan aktiviti pemindahan diesel bersubsidi, dipercayai dibeli dari stesen minyak.

Stesen minyak dengan stor penyimpanan itu terletak dalam lingkungan lima kilometer.

Serbuan diketuai Pegawai Penguat Kuasa, Rosli Ismail, dilakukan pada jam 2.50 petang bersama 20 anggota KPDNHEP Putrajaya selepas risikan selama sebulan.

"Ketika serbuan, dua lori lima tan berkanvas didapati mengisi diesel bersubsidi menggunakan dua nozel di pam stesen minyak berkenaan ke dalam tangki yang diubah suai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP di sini, semalam.

Shamsul Nizam berkata, serbuan ke atas premis disyaki stor itu mendapat pemindahan diesel

dilakukan dari dua lori lima tan berkanvas lain disyaki daripada sindiket sama.

Shamsul Nizam berkata, semua barang kes disita merangkumi lori yang digunakan, diesel sebanyak 26,459 liter bernilai kira-kira RM56,888, selain alatan sambungan berupa hos, lima unit kompresor, dokumen berkaitan dan resit dengan nilai keseluruhan rampasan dianggar RM215,680.30.

Katanya, lima individu warga tempatan berusia 25 hingga 50 tahun membabitkan pemandu lori dan seorang penjaga stor turut ditahan.

"Turut ditahan seorang lelaki rakyat tempatan berusia 36 tahun yang mendakwa sebagai pemilik stesen minyak berkenaan untuk membantu siasatan."

"Slasat dibuat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengetahui pasti rantalan pengedaran dari stesen minyak ke tempat pe-



Shamsul Nizam (kiri) menunjukkan lori tangki yang digunakan sindiket pada sidang media di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP, Nilai, semalam.

(Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

nyimpanan sehingga pembeli.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau keduanya sekali manakala syarikat boleh didenda tidak melebihi RM3 juta.

"KPDNHEP akan ambil tindakan tegas dengan menggantung sementara lesen berkaitan barang kawalan oleh syarikat itu sehingga siasatan selesai," katanya.

Katanya, pihaknya masih mengenal pasti pihak lain yang mungkin terbabit dan lokasi pen-

jualan atau penghantaran diesel itu.

Shamsul Nizam berkata, syarikat terbabit turut disiasat di bawah Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembilangan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUA 2011) (Akta 613).

"Jika sabit kesalahan, boleh dipenjara tidak melebihi 15 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau hasil daripada aktiviti haram atau RM5 juta, mana lebih tinggi," katanya.

HARI : SELASA  
TARIKH : 15/2/2022  
M/SURAT : 3



# Sindiket seleweng diesel subsidi tumpas

KPDNHEP berjaya gagalkan aktiviti penyelewengan 26,459 liter diesel bersubsidi bernilai RM56,886.85

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

NILAI

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berjaya menggagalkan aktiviti penyelewengan 26,459 liter diesel bersubsidi bernilai RM56,886.85 di Jalan Klang Banting, Jenjarom Kuala Langat, Selangor minggu lalu.

Aktiviti berkenaan terbongkar selepas serbuan dilakukan pihaknya di sebuah premis dan sebuah stesen minyak pada 10 Februari, jam 2.50 petang selepas hasil risikan pihaknya sejak

sebulan lalu.

Timbalan Pengarah Penguatkuasa (Operasi) KPDNHEP Putrajaya, Shamsul Nizam Khalil berkata, ketika serbuan di stesen minyak, terdapat aktiviti mengisi minyak diesel bersubsidi ke dalam tangki dua buah lori lima tan yang telah diubah suai.

Menurutnya, serbuan di sebuah premis yang disyaki dijadikan stor penyimpanan pula mendapati aktiviti pemindahan minyak diesel sedang dilakukan oleh dua buah lori lima tan lain yang disyaki daripada sindiket sama.

"Hasil siasatan awal mendapati, sindiket berkenaan menjalankan aktiviti mereka seawal jam 5 pagi hingga 10 malam setiap hari dengan menggunakan lori lima tan membeli minyak diesel bersubsidi di stesen minyak terbabit.

"Lori berkenaan kemudian akan memindahkan kesemua minyak berkenaan ke stor penyimpanan yang jaraknya kira-kira



Shamsul Nizam (dua dari kiri) menunjukkan peralatan yang dirampas.

lima kilometer dari stesen minyak," katanya pada sidang akhbar di Kompleks Penyimpanan Eksibit KPDNHEP di sini pada Isnin.

Jelas beliau, minyak diesel berkenaan dipercayai akan dijual kepada pihak industri bagi mengaut keuntungan.

Selain itu, katanya, seramai lima pemandu lori lelaki warga tempatan dan seorang penjaga stor berusia antara 25 hingga 50 tahun telah ditahan untuk siasati-

an lanjut.

"Turut ditahan pemilik stesen minyak berusia 36 tahun untuk siasatan lanjut bagi mengenal pasti sama ada dia terlibat atau tidak.

"Siasatan dibuat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengenal pasti rantai pengedaran minyak diesel tersebut dari stesen minyak ke tempat penyimpanan sehingga ke peringkat pembeli.

"Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan jika syarikat didenda tidak melebihi RM3 juta," katanya.

Jelas beliau, jumlah nilai rampasan termasuk lima lori dianggarkan RM215,680.30.

Sementara itu, beliau berkata, KPDNHEP akan mengambil tindakan tegas dengan menggantung sementara lesen berkaitan barang kawalan oleh syarikat yang terlibat sehingga siasatan selesai dijalankan.

Katanya, pihak syarikat terlibat juga akan disiasat mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan, Pembiayaan, Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 di bawah Akta 613.

"KPDNHEP tidak akan berkompolimi dengan mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam sindiket dan aktiviti haram ini," kata beliau.

Lori lima tan isi minyak tiga kali sehari di sebuah stesen minyak di Kuala Langat

## Sindiket seleweng diesel RM215,680

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

**SEREMBAN** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berjaya menumpaskan kegiatan sindiket penyeleweng minyak diesel bersubsidi bernilai RM215,680 di Jalan Klang Banting, Jenjarom di Kuala Langat, Selangor.

Timbalan Pengarah, Penguasa (Operasi) KPDNHEP Putrajaya, Shamsul Nizam Khalil berkata, aktiviti itu terbongkar dalam dua serbuan yang dilancarkan di sebuah premis yang dijadikan stor penyimpanan minyak diesel haram dan sebuah stesen minyak.

Serbuan itu dilakukan pada 10 Februari lalu.

Menurut Shamsul Nizam, sindiket itu yang aktif sejak sebulan lalu telah mengubah suai ba-



**SAMSUL NIZAM** menunjukkan tangki lori yang telah diubah suai untuk seludup diesel di Jalan Klang Banting, Jenjarom Kuala Langat semalam.

— MOHD SHAHJEHAN MAAMIN

hagian tangki lori lima tan untuk mengisi minyak diesel sehingga mampu mencapai kapasiti 4,000

hingga 4,500 liter.

"Ketika serbuan terdapat dua buah lori lima tan dan sebuah lori tangki, 26,459 liter minyak diesel,

minyak diesel bersubsidi menggunakan dua nozel di puncak stesen minyak berkenaan ke dalam tangki lori yang telah diubah suai.

"Hasil serbuan ke atas premis stor penyimpanan pula mendapat aktiviti pemindahan minyak diesel sedang dilakukan daripada dua buah lori lima tan lain disyaki milik sindiket sama ke dalam sebuah lori tangki untuk tujuan penjualan kepada pihak industri," katanya.

Jelas Shamsul Nizam, berdasarkan siasatan pemandu lori lima tan menjalankan aktiviti mengisi minyak diesel tiga kali sehari dengan jumlah RM500 sekali isian di stesen minyak tersebut.

"Dalam serbuan ini, pihak KPDNHEP telah menyita empat buah lori lima tan dan sebuah lori tangki, 26,459 liter minyak diesel,

alat sambungan hos dan alatan lain dengan jumlah keseluruhan rampasan bernilai RM215,680.

"Turut ditahan lima pemandu lori dan masing-masing seorang pemilik stesen minyak dan seorang penjaga stor berusia 25 hingga 50 tahun bagi membantu siasatan," katanya.

Shamsul Nizam berkata, siasatan lanjut terhadap kes itu akan dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengenal pasti rantaian pengedaran minyak diesel tersebut dari stesen minyak te tempat penyimpanan sehingga ke peringkat pembeli.

"Selain itu, syarikat ini juga akan disiasat di bawah Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembelian Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001," ujarnya.

Oleh Mohd Amin Jalil  
am@hmetro.com.my

**Nilai**

**G**unakan beberapa lori lima tan yang sudah diubah suai khusus bagi melakukan aktiviti penyelwengan diesel subsidi skala besar sejak beberapa bulan lalu.

Kegiatan itu bagaimanapun berjaya ditumpaskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya hasil dua siri serbuan serentak, Khamis lalu.

Timbalan Pengarah Penguatan Kuasa (Operasi) KPDNHEP Putrajaya, Shamsul Nizam Khalil, berkata, serbuan dilakukan terhadap sebuah premis dan stesen minyak di Jalan Klang Banting, Jenjarom Kuala Langat, Selangor.

Katanya, premis berkenaan disyaki dijadikan stor tempat penyimpanan diesel haram dan aktiviti pemindahan minyak diesel bersubsidi yang dibeli daripada stesen minyak.

"Stesen minyak dengan premis yang dipercayai stor penyimpanan itu terletak dalam lingkungan jarak lima kilometer.

"Serbuan diketuai Pegawai Penguar Kuasa Rosli Ismail dilakukan pada jam 2.50 petang membabitkan seramai 20 anggota KPDNHEP Putrajaya selepas risikan.

"Ketika serbuan, terdapat dua lori lima tan sedang mengisi minyak diesel bersubsidi menggunakan dua nozel di pam stesen minyak berkenaan ke dalam tangki lori yang telah diubah suai," katanya di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatan Kuasa KPDNHEP di sini, semalam.

Katanya hasil serbuan ke atas premis disyaki stor penyimpanannya itu pula mendapat aktiviti pemin-

## SELEWENG DIESEL SUBSIDI

# Ubah suai tangki lori



LORI tangki yang digunakan untuk menyimpan minyak diesel bersubsidi disitus KPDNHEP.



SHAMSUL Nizam (dua dari kiri) menyajikan perlakuan yang diterima dalam serbuan di dua premis. - Gambar NSTP AZRIU EDHEMI MOHD AMINUDIN

dahan minyak diesel sedang dilakukan daripada dua lori lima tan.

Shamsul Nizam berkata, kesemua barang kes berkenaan disita termasuk lori yang digunakan, minyak diesel sebanyak 26,459 liter bernilai kira-kira RM56,888 selain alatan sambungan berupa saluran (hos), meter, dokumen berkaitan dan resit dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan sebanyak RM215,680.30.

Katanya, pasukan serbuan turut menahan lima individu rakyat tempatan berrusia dalam lingkungan 25 hingga 50 tahun membabitkan pemandu lori dan seorang penjaga stor.

"Turut ditahan seorang lelaki rakyat tempatan berrusia 36 tahun selepas dia mengaku sebagai pemilik stesen minyak berkenaan untuk membantu siasatan.

**“Turut ditahan seorang lelaki rakyat tempatan berrusia 36 tahun**  
Shamsul Nizam

"Kertas siasatan dibuka dan siasatan lanjut terhadap kes ini akan dilakukan di bawah Akta Kawalan Belakan 1961 bagi mengenal pasti rantai pengedaran minyak diesel terbabit dari stesen minyak ke tempat penyimpanan sehingga ke peringkat pembeli.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Manakala bagi syarikat pula, boleh didenda tidak melebihi RM3 juta. Kementerian juga akan mengambil tindakan tegas dengan menggantung sementara lesen berkaitan barang kawalan oleh syarikat yang terbabit sehingga siasatan selesai," katanya.

HARI : SELASA  
TARIKH : 15/2/2022  
M/SURAT : 5

**'SLIPPERY' HAUL** ... Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry Enforcement (Operations) deputy director Shamsul Nizam Khalil yesterday showing a tanker seized during a crack down on misappropriation of subsidised diesel.

BERNAMAPIX



## SARAWAK

By ANDY CHUA  
andychua@thestar.com.my

MOST offences committed by Sibu traders in Sarawak last year involved violations of the Prevention And Control of Infectious Diseases Regulations Act 1988.

These offences included not providing hand sanitisers, not wearing face masks and failing to ensure customers observed physical distancing.

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) Sibu chief Kelyn Bolhassan, in a statement, said 70 cases were reported.

This was followed by violations of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 at 49 cases, Weights and Measures Act 1972 (39 cases), Trade Description Act (three cases), Control of Supply Act 1961 (seven cases), and one case violating the Direct Selling and Anti-Pyramid Scheme Act 1993.

Kelyn said the department inspected 9,092 premises, of which 7,425 were in the urban area while 1,667 were in the rural area.

## Sibu traders' offences mostly related to health code

"These premises include grocery stores, markets, supermarkets and convenience stores."

He said the bulk of complaints received involved pricing.

He advised people to be careful when making online transactions.

"The public need to ensure that online 'marketplace' or sales sites are safe before making any purchases."

"I also want to advise people not to be easily deceived by scratch-and-win scams that offer lucrative prizes to deceive and defraud the public," he said.

Elsewhere, the Federal Government's move to do away with temperature scans has been welcomed by traders.

Sibu Coffeeshop and Restaurant Owners Association chairman Tong Ing Kok said there were pros and cons to this.

"The decision benefits customers as it is more convenient for them when entering any premises."

"However, it will be difficult for us to know the health status of customers," he said.

Tong, however, wants the practice of manual registration or log book check-in at premises maintained.

"I prefer that this practice be continued, especially for senior citizens who do not own a handphone. Even some with mobile phones prefer to use the log book," he noted.

Manual registration, he asserted, was still the preferred option among senior citizens.

He also expressed concern that the spike in Covid-19 cases might affect business.

"The rise in cases will certainly cause a dent in our business as people will again fear eating out."

"For those who eat out, I would like to advise them to continue observing the standard operating procedure such as wearing face masks and observing physical distancing," he added.



Two enforcement officers checking on the price of sugar in Sibu.

## Permintaan tinggi kit RTK antigen

**GUA MUSANG:** Permintaan tinggi terhadap kit ujian pantas (RTK) antigen secara kendirinya kebelakangan ini menyebabkan berlaku kekurangan bekalan di beberapa negeri seperti Sabah, Johor dan Lembah Klang.

Difahamkan, keadaan itu berlaku kerana kebimbangan orang ramai terhadap varian Omicron selepas pembukaan sektor ekonomi serta kluster pendidikan yang dilaporkan meningkat setiap hari.

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam mengakui kit ujian itu 'laku keras' namun memberi jaminan bekalannya pada bulan ini mencukupi.

Beliau berkata, orang ramai tidak perlu panik kerana lebih 18 juta unit kit tersebut masih ada di peringkat pengilang dan pemborong, dengan 8,084 premis di seluruh negara diberi kebenaran untuk menjual RTK secara rungit.

"Setakat ini terdapat lebih

100 jenama RTK dan kita berharap dalam masa seminggu atau dua minggu lagi bekalan itu akan lebih mudah diperoleh di pasaran.

"Mengikut maklumat yang kami terima, masalah kekurangan bekalan timbul kerana pemborong menunggu bekalan daripada negara pengeluar, dengan sebahagian besarnya adalah dari China.

"Kami telah menghubungi pengilang tempatan supaya segera meningkatkan pengeluaran mereka dan mengagihkan kit tersebut di pasaran," katanya kepada pemberita selepas melawat Pejabat KPDNHEP Gua Musang, di sini semalam.

Azman berkata, sejak tahun lalu kerajaan mewartakan RTK sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Harga dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, kit ujian itu boleh diperoleh di farmasi dan fasiliti kesihatan serta di premis-premis berdaftar seperti pasar raya, kedai serbaneka dan stesen minyak.



SEORANG pelanggan membeli RTK antigen secara kendiri di sebuah farmasi di Gua Musang semalam.

18 juta unit tersedia oleh pengilang, pemborong

## Bekalan RTK antigen cukup di pasaran

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** — Permintaan tinggi terhadap kit ujian pantas (RTK) antigen secara kendiri menyebabkan berlaku pengurangan bekalan itu di pasaran beberapa buah negeri seperti di Sabah, Johor dan Lembah Klang.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam bagaimanapun memberi jaminan bekalan RTK pada bulan ini mencukupi apabila lebih 18 juta unit masih ada di peringkat pengilang dan pemborong.

Menurutnya, orang ramai diminta tidak panik untuk mendapatkan bekalan tersebut kerana terdapat 8,084 buah premis di

seluruh negara di bawah seliaan KPDNHEP telah diberi kebenaran untuk menjual RTK secara runcit.

"Setakat ini, terdapat lebih 100 jenama RTK dan berharap dalam masa seminggu atau dua minggu lagi bekalan itu akan lebih baik selain mudah diperolehi di pasaran.

"Mengikut maklumat yang kami terima, antara faktor penyebab masalah itu timbul adalah kerana pemborong menunggu bekalan dari negara yang sebahagian besarnya dari China.

"Selain itu, kami juga menghubungi pengilang dan syarikat tempatan supaya segera meningkatkan pengeluaran mereka agar alatan tersebut dapat dijual kepada orang ramai," katanya

kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke pejabat KPDNHEP cawangan Gua Musang di sini semalam.

Difahamkan kebimbangan orang ramai terhadap varian Omicron serta pembukaan sektor ekonomi dan pendidikan yang semakin banyak menyebabkan keperluan kit itu dalam kehidupan harian.

Mengulas lanjut, Azman berkata, kerajaan telah mewarntakan RTK sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Harga dan Akta Kawalan Bekalan 1961 bermula tahun lalu.

Katanya, kit ujian itu boleh diperoleh di farmasi, fasiliti kesihatan, premis-premis berdaftar seperti pasar raya, kedai serbaneka dan stesen minyak.

HARI : SELASA  
TARIKH : 15/2/2022  
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

- Ayam	<b>RM7.99</b>
- Daging Lembu Tempatan	<b>RM42.99</b>
- Daging Lembu Import	<b>RM28</b>

- Telur Gred A	<b>RM12.45</b>
- Ikan Kembung	<b>RM13.99</b>
- Minyak Masak	<b>RM6.70</b>

- Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
- Bawang Besar Holland	<b>RM2.39</b>
- Bawang Putih	<b>RM3.50</b>

- Cili Merah	<b>RM9.59</b>
- Kubis Bulat Tempatan	<b>RM2.79</b>
- Tepung Gandum	<b>RM2.20</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP